

|            |                            |             |                     |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Sindiket lacur ubah taktik |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro (Johor)       |             |                     |
| Date       | 19 Jan 2012                | Color       | Full Color          |
| Section    | News                       | Circulation | 289,315             |
| Page No    | 2                          | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay                      | ArticleSize | 302 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                        | AdValue     | RM 6,493            |
| Frequency  | Daily                      | PR Value    | RM 19,480           |



# Sindiket lacur ubah taktik

Guna rumah persendirian tawar khidmat seks untuk pelanggan khas

>>Oleh Salman Hamat

salman@hmetro.com

**J**OHOR BAHRU: Lapan wanita Thailand ditahan kerana disyaki terbabit aktiviti pelacuran dalam serbuan terhadap tiga premis di Taman Bukit Indah di sini, malam kelmarin.

Dalam serbuan bermula jam 9 malam itu, polis menahan lapan wanita berusia antara 27 dan 32 tahun di dalam rumah digunakan sebagai lokasi persundalan oleh sindiket pelacuran. Dua daripada mereka ditahan di premis pertama dan masing-masing tiga di premis kedua serta ketiga.

Semua mereka dipercayai bekerja untuk sindiket sama, menawarkan khidmat seks dengan bayaran antara RM100 dan RM160 bergantung kepada umur wanita terbabit.

Pegawai Turus Bahagian Maksiat, Kongsy Gelap dan Perjudian (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, Deputi Superintendan Mohammad Abd Hamid berkata sindiket terbabit mengubah taktik menggunakan rumah persendirian sebagai premis persundalan mengelak kegiatan dikesan polis.

"Berdasarkan keadaan premis, sindiket dipercayai beroperasi sejak tiga bulan lalu dan menawarkan perkhidmatan seks hanya kepada pelanggan tertentu.

"Pelanggan akan menghubungi bapa ayam melalui telefon bagi urusan tawar-menawar dan jika bapa ayam yakin dengan pelanggan terbabit, mereka diberi alamat

|            |                            |             |                     |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Sindiket lacur ubah taktik |             |                     |
| MediaTitle | Harian Metro (Johor)       |             |                     |
| Date       | 19 Jan 2012                | Color       | Full Color          |
| Section    | News                       | Circulation | 289,315             |
| Page No    | 2                          | Readership  | 1,981,000           |
| Language   | Malay                      | ArticleSize | 302 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                        | AdValue     | RM 6,493            |
| Frequency  | Daily                      | PR Value    | RM 19,480           |

rumah berkenaan," katanya.

Pemeriksaan terhadap dokumen perjalanan kumpulan

perempuan itu mendapati mereka kerap keluar masuk ke negara ini dan hanya berada selama beberapa hari di negara asal untuk memperbaharui pas lawatan.

"Kami turut terpaksa memotong mangga serta memecahkan pintu dalam serbuan terhadap premis ketiga berikutan keengganan penghuninya bekerjasama.

"Selain kondom, kami turut menemui sejumlah video cakera digital (DVD) lucah dipercayai milik peribadi seorang daripada wanita yang ditahan," katanya.



**CEKUP...**antara wanita asing ditahan, semalam.

**UMPIL...**anggota polis memotong kunci pagar rumah menjalankan kegiatan pelacuran.